


PADA 11 Mac yang lalu, berlaku tragedi keganasan rumah tangga yang menyayat hati; seorang peniaga disyaki membunuh isteri dan tiga orang anaknya dengan sebatang besi buaian. Kes ini berlaku di Taman Kota Masai, Pasir Gudang, Johor.

Masalah keganasan rumah tangga bukan isu yang remeh kerana hanya melalui keharmonian keluarga negara ini dapat melahirkan generasi yang berakhlak dan berdedikasi. Mengikut kajian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada 2004, kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan sejak 2000 hingga 2003 ialah 2299 kes. Dalam tempoh yang sama, setiap negeri mencatatkan peningkatan (rujuk Jadual 1).



Wanita dan kanak-kanak mengalami trauma yang serius akibat keganasan rumah tangga.

Trauma Mangsa Keganasan Rumah Tangga

Oleh **TAM CAI LIAN**

Dari segi kaum pula, kaum Melayu mencatatkan kes keganasan rumah tangga yang paling tinggi, iaitu 323 kes pada 2003 diikuti dengan kaum Cina, iaitu 123 kes (rujuk Jadual 2).

Mengikut undang-undang, Seksyen 2, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), keganasan rumah tangga merujuk, "Perlakuan seseorang yang menyebabkan mangsanya berada dalam keadaan ketakutan, menyebabkan kecederaan fizikal, memaksa mangsa melakukan kelakuan berbertuk seksual, ataupun mengurung mangsa tanpa kerelaan mangsa". Akta ini mengambil kira keganasan sebagai penindasan berbentuk fizikal dan mental. Setiap individu berhak mendapat perlindungan sekiranya menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Persekitaran memainkan peranan

penting dalam mempengaruhi hubungan ahli keluarga. Sikap individualistik dan terlalu mengejar kemewahan material menyebabkan manusia sentiasa hidup dalam tekanan. Keluarga yang jarang-jarang berinteraksi dengan persekitaran biasanya bersifat "terasing", bengis, agresif, dan mudah bertindak ganas.

Selain itu, masalah kewangan dan cara penjagaan anak turut menimbulkan keganasan rumah tangga. Dalam kebanyakan kes, individu yang terlibat dalam keganasan rumah tangga (biasanya suami) didapati menyalahgunakan

dadah atau meminum arak hingga hilang pertimbangan lantas bertindak agresif (ganas) terhadap ahli keluarga.

Anak yang terdedah kepada keganasan rumah tangga menghadapi kesan emosi yang teruk. Kegagalan ibu bapa bertindak sebagai pelindung menjejaskan perkembangan dan perhubungan dengan anak. Luka akibat penderaan fizikal mungkin boleh sembuh, tetapi trauma yang dialami oleh anak dibawa hingga ke dewasa. Hal ini mempengaruhi perkembangan diri mereka.

*Dewan Masyarakat Jul 07
- Abuse - general
p. 32 - 33.*

Anak yang mengalami keganasan rumah tangga sering berasa tertekan dan mengalami perkembangan emosi yang tidak stabil. Hal ini membentuk konsep sendiri yang negatif. Anak sedemikian kurang patuh kepada arahan dan sukar dikawal berbanding dengan anak yang berasal daripada keluarga yang bahagia.

Menurut laporan JKM pada 2003, ketika berlakunya keganasan rumah tangga, anak menerima layanan yang buruk terutama sekali daripada bapa mereka berbanding dengan ibu. Banyak anak yang menjadi mangsa keganasan bapa seperti dikongkong dan dipukul. Anak yang mengalami keretakan keluarga yang serius ini membentuk ciri negatif seperti ketakutan yang melampau, berendam, agresif, curiga, menyendiri, tiada keyakinan terhadap diri sendiri, dan harga diri yang rendah. Anak sedemikian berpotensi menggunakan strategi yang sama untuk menyelesaikan masalah rumah tangganya selepas mereka mendirikan rumah tangga.

Bagi mengurangkan kejadian keganasan rumah tangga, ibu bapa harus berusaha gigih untuk menjalinkan hubungan keluarga yang bahagia. Selain itu, mangsa keganasan rumah tangga harus berani membuat laporan. Tindakan mendiagnosis diri hanya membantutkan usaha kerajaan untuk memberantas gejala sedemikian.

Anak yang didera boleh mengadu kepada kaunselor sekolah, guru, saudara mara ataupun jiran tetangga. Masyarakat pula harus bersimpati dan menghulurkan bantuan. Hakikatnya, pelbagai pihak boleh dijadikan sebagai tempat mengadu seperti JKM, pihak polis, pejabat agama dan institusi perubatan.

Keharmonian keluarga memainkan peranan penting dalam mengeratkan hubungan ahli keluarga. Dengan komunikasi yang mesra, kasih sayang

Jadual 1 Keganasan rumah tangga mengikut negeri

Bil	Negeri	2001	2002	2003
1	Johor	42	74	66
2	Kedah	28	22	42
3	Kelantan	22	23	32
4	Melaka	101	107	77
5	Negeri Sembilan	30	35	53
6	Pahang	3	5	16
7	Perak	31	24	36
8	Perlis	10	3	1
9	Pulau Pinang	108	83	105
10	Selangor	114	150	61
11	Terengganu	17	9	20
12	W.P. Kuala Lumpur	59	40	36
13	W.P. Labuan	0	0	0
14	Sabah	6	12	42
15	Sarawak	26	11	49
JUMLAH		587	598	636

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Jadual 2 Keganasan rumah tangga mengikut kaum etnik

Bil	Kaum	2001	2002	2003
1	Melayu	281	306	323
2	Cina	132	122	123
3	India	155	148	145
4	Bumiputera Sabah	0	0	19
5	Bumiputera Sarawak	7	2	8
6	Lain-lain	12	20	18
JUMLAH		587	598	636

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

dan belaian yang melimpah, setiap ahli keluarga dapat hidup dalam keadaan yang bahagia dan terlindung. DM

Dr. Tam Cai Lian, pensyarah di Fakulti Kesihatan dan Sains Semula Jadi, Kolej Universiti Sunway.